



JABATAN KETUA MENTERI SARAWAK  
(UNIT SUMBER MANUSIA NEGERI)  
TINGKAT 9, 10 & 11, WISMA BAPA MALAYSIA  
PETRA JAYA, 93502 KUCHING  
SARAWAK

Talian Am: 082-441957  
No. Faks: 082-445637  
Laman Web: <http://www.shru.sarawak.gov.my>



## PEKELILING PERJAWATAN NEGERI SARAWAK BILANGAN 15 TAHUN 2018

DARIPADA: **Setiausaha Kerajaan, Sarawak.** KEPADA: **Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap  
Kementerian  
Semua Ketua Badan  
Berkanun Negeri  
Semua Setiausaha Majlis  
Bandaraya/ Perbandaran/  
Daerah**

SALINAN Pengarah Audit Negeri  
KEPADA: Pengarah Audit Dalam

PERKARA: **KEBENARAN PULANG AWAL SATU (1) JAM DARIPADA MASA  
BERKERJA BIASA BAGI PEGAWAI WANITA YANG MENGANDUNG**

RUJUKAN: **16/JKM/SHRU/TM/500-3/5/ 25 JUL 2018**  
**1/2/J1d-2**

### 1. TUJUAN

Surat Pekeliling Perjawatan ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menerimapakai dan melaksanakan kemudahan **Kebenaran Pulang Awal Satu (1) Jam** daripada masa berkerja biasa bagi pegawai wanita yang mengandung Lima (5) bulan dan ke atas serta dipanjangkan kepada suami yang merupakan pegawai Perkhidmatan Awam dan bekerja di lokasi yang berdekatan.

### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2017 (PP Bil.11/2017) berhubung Pelaksanaan kebenaran pulang awal satu (1) jam kepada pegawai wanita mengandung berkuatkuasa 1 Januari 2018.
- 2.2 Setakat ini, pegawai wanita hanya layak menikmati kemudahan Cuti Bersalin dan Cuti Menjaga Anak sahaja. Pemberian kemudahan khususnya kepada pegawai wanita mengandung lima bulan dan ke atas ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk menjaga kebajikan pegawai Perkhidmatan Awam Negeri menerusi *Core Value* Perkhidmatan Awam Negeri iaitu *Kind and Caring*.

"Together we Drive The Workforce In The New Service To Be World Class"

#### BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI

No. Telefon: 082-446415  
No. Faks: 082-443970

#### BAHAGIAN PENGURUSAN BAKAT

Seksyen Pengambilan  
No. Telefon: 082-319946  
No. Faks: 082-311478

Seksyen Pembangunan Kerjaya  
No. Telefon: 082-446355  
No. Faks: 082-311473

Seksyen Kemudahan & Anugerah  
No. Telefon: 082-312548  
No. Faks: 082-445618

Seksyen Latihan  
No. Telefon: 082-313951  
No. Faks: 082-312997

#### BAHAGIAN POLISI & KOMUNIKASI SUMBER MANUSIA

Seksyen Pengurusan Maklumat  
No. Telefon: 082-449237  
No. Faks: 082-449490

Seksyen Komunikasi Sumber Manusia  
No. Telefon: 082-448240  
No. Faks: 082-440033

Seksyen Transformasi & Inovasi  
No. Telefon: 082-312557  
No. Faks: 082-440033

#### BAHAGIAN SOKONGAN PEKERJA

Seksyen Perkhidmatan Sokongan Pekerja  
No. Telefon: 082-319941  
No. Faks: 082-312923

Seksyen Integriti  
No. Telefon: 082-443502  
No. Faks: 082-312923

2.3 Kemudahan ini juga dipanjangkan kepada suami yang merupakan pegawai Perkhidmatan Awam dan bekerja di lokasi yang berdekatan serta pulang bersama isterinya bagi membolehkan suami membantu isteri semasa dalam perjalanan.

### 3. PELAKSANAAN

3.1 Bagi Kerajaan Negeri, pegawai yang layak menggunakan kemudahan ini adalah pegawai Lantikan Tetap [ Berpencen / Memilih Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ], pegawai Jawatan Berasaskan Caruman (JBC), pegawai Kontrak (*Contract of Service*) dan pegawai Kontrak Jangka Panjang sehingga mencapai umur persaraan.

3.2 Syarat-syarat penggunaan kemudahan ini adalah seperti di perenggan 5 – 11 dalam PP Bil.11/2017 ini.

### 4. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

4.1 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan perenggan 12, dalam PP Bil.11/2017 ini adalah dipatuhi.

4.2 Kemudahan ini bukan satu hak bagi pegawai. Ketua Jabatan, boleh menarik balik atau meminda kelulusan kemudahan ini atas sebab kepentingan perkhidmatan walaupun kelulusan telah diberikan olehnya.

### 5. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Perjawatan Negeri ini berkuat kuasa 24 Mei 2018.

### 6. PEMAKAIAN

Tertaluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perjawatan Negeri ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2017 berhubung Pelaksanaan kebenaran pulang awal satu (1) jam kepada pegawai wanita mengandungi boleh dimuat turun melalui laman web [www.jp.gov.my](http://www.jp.gov.my).

**“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”**  
**“AN HONOUR TO SERVE”**



**TAN SRI DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI BIN ABDUL GHANI**  
Setiausaha Kerajaan Negeri  
Sarawak